

26 MAR 2000

SEMUA BAHAGIAN UMNO PERLIS SELESAI BERSIDANG

KANGAR, 26 Mac (Bernama) -- Kesemua tiga bahagian Umno di Perlis yang selesai bersidang sepakat mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan timbalan presiden.

Bahagian Padang Besar membuka tirai persidangan pada 12 Mac, diikuti bahagian Arau pada 19 Mac dan yang terakhir bahagian Kangar pada hari ini.

Ketiga-tiga bahagian turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak untuk jawatan naib presiden.

Dua tokoh dari Johor iaitu Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menerima dua pencalonan. Abdul Ghani mendapat pencalonan dari bahagian Padang Besar dan Arau turut manakala Syed Hamid dari bahagian Padang Besar dan Kangar.

Turut menerima pencalonan jawatan naib presiden ialah Datuk Dr Rais Yatim dari bahagian Kangar dan Datuk Seri Osu Sukam oleh bahagian Arau.

-- BERNAMA

AD AKD